

Sg Kundang dibaiik pulih elak banjir



ABDUL SHUKOR

KUANG - Kerja pembaikan Sungai Kundang akan dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai usaha pencegahan banjir berulang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuang, Abdul Shukor Idrus berkata, banjir yang berlaku September lalu melibatkan kawasan Kuang dan Paya Jaras adalah tragedi terburuk pernah terjadi dalam tempoh 10 tahun.

Menurutnya, kejadian itu berlaku berpunca daripada aktiviti korek pasir dan dianggarkan lebih 450 keluarga terlibat.

"JPS akan membersihkan hilir Sungai Kundang untuk memastikan pergerakan air lancar tanpa sebarang sekatan selain menaik taraf supaya dapat menampung kuantiti air apabila berlakunya hujan lebat.

"Setakat ini, sebahagian sungai itu telah dinaik taraf melalui pemasangan konkrit dan sebahagiannya masih menggunakan sistem lama iaitu tanah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, selain usaha membersihkan sungai, pihaknya juga aktif mengesan cerun yang dijangka berisiko runtuh sekiranya berlaku hujan berterusan.

"Kita dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang memantau zon bahaya iaitu tanah tinggi dan cerun yang kritikal yang boleh mengundang banjir lumpur.

"Pemantauan dilakukan sekitar Parlimen Gombak dan Selayang bertujuan mengelakkan banjir berulang," katanya.